

24/01/2003

PM tegur pelajar cenderung ajaran ekstrem

Mahfar Ali

KAHERAH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur pelajar Malaysia di Mesir

yang kebanyakannya dilihat masih tidak mahu menerima perubahan, malah bersikap lebih ekstrem daripada negeri ini sendiri.

Perdana Menteri berkata, pelajar yang menuntut di sini sepatutnya akan menjadi lebih terbuka dan berfikiran liberal seperti orang Mesir, sebaliknya kebanyakan mereka lebih cenderung menerima ajaran bersifat ekstrem.

Beliau berkata, pengurusan Universiti Al-Azhar sendiri bersikap sederhana dan pragmatik, malah banyak tugu Firaun dibina di Mesir, tetapi rakyatnya tidak bimbang dan membantah.

"Gereja juga dibina bersebelahan masjid dan tidak timbul sebarang masalah.

"Islam tidak kata gereja tidak boleh dibina berhampiran masjid. Ia bergantung kepada berapa ramai penganut Kristian di situ.

"Jadi, kita sepatutnya belajar untuk menjadi lebih liberal, tetapi kita

kesal kerana pelajar Malaysia yang datang ke sini menjadi lebih ekstrem daripada orang Mesir sendiri," katanya yang dalam rangka lawatan kerja dua

hari ke Mesir berakhir semalam.

Bercakap kepada wartawan Malaysia, Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan

pelajar terbabit bersikap demikian kerana diracuni parti politik tertentu

di Malaysia.

"Kita tahu parti politik tertentu sering menghantar orangnya ke sini untuk menghasut pelajar supaya membenci kerajaan. Sebab itu mereka jadi macam ini," katanya.

Ditanya kemungkinan pelajar Malaysia akan diwajibkan mendaftar dengan Kedutaan Malaysia di sini, beliau berkata, cadangan itu baik bagi memudahkan pengawasan dan pengurusan kebajikan pelajar.

Kelmarin, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman, berkata proses penghantaran pelajar ke Universiti Al-Azhar di sini, mungkin diperketatkan termasuk mewajibkan penuntut berdaftar dengan

Kedutaan Malaysia.

Menerusi peraturan baru itu, semua pelajar juga mungkin diwajibkan mengikuti pengajian selama empat tahun di sini. Peraturan itu dirangka menyusul perbincangan di antara Dr Mahathir dan Syeikhul Al-Azhar, Dr Mohamed Sayed Tantawi, kelmarin.

Pada masa ini, pelajar di 14 institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia diterima masuk ke universiti itu terus ke tahun empat, tetapi kerajaan mendapati kebanyakannya tidak mempunyai kelayakan setimpal menyebabkan ramai yang terpaksa berulang.

Dr Mahathir yang diminta mengulas hasil pertemuannya dengan Dr Mohamed,

berkata beliau tidak membincangkan secara terperinci mengenai isu kemasukan pelajar Malaysia terus ke tahun empat, tetapi Syeikhul Al-Azhar

menjelaskan bahawa pihaknya memang mahu melihat pelajar universiti itu berjaya dan mendapat peluang pekerjaan yang baik.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak menyekat pelajar Malaysia untuk

melanjutkan pengajian dalam bidang agama di sini, malah ramai sudah dihantar ke Universiti Al-Azhar, tetapi ada yang tidak belajar dan sesetengahnya tidak dapat pun menguasai bahasa Arab.

"Ada yang berada di sini agak lama tanpa mencapai apa-apa kejayaan dan apabila mereka balik, tidak ada peluang kerja mereka kecewa dan marah kepada kerajaan. Tapi yang pilih untuk belajar atau tidak belajar adalah mereka sendiri.

"Mereka tidak boleh salahkan kerajaan. Kalau semua pilih satu bidang, maka sukar kerajaan menyediakan peluang kerja untuk mereka. Lagi pun dalam

bidang agama, peluang kerja terhad," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menasihatkan pelajar supaya meneliti dulu peluang pekerjaan dalam bidang pengajian yang hendak diambil.

"Kebanyakan yang belajar dalam bidang sains, teknologi maklumat dan kejuruteraan mudah mendapat kerja. Tapi kadang-kadang ibu bapa memaksa anak mereka belajar dalam bidang agama, seperti hafiz al-Quran dan apabila

tidak dapat kerja, mereka kecewa.

"Peluang kerja sebagai hafiz tidak banyak kerana sebuah negara sebenarnya hanya memerlukan seorang hafiz. Itu pun dulu al-Quran tidak mudah didapati seperti sekarang, sebab itu mesti ada hafiz," katanya.